

**D.R. 27/2010**

**RANG UNDANG-UNDANG**

*b e r n a m a*

Suatu Akta untuk meminda Akta Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia (Pemerbadanan) 1973.

[ ]

**DIPERBUAT** oleh Parlimen Malaysia seperti yang berikut:

**Tajuk ringkas dan permulaan kuat kuasa**

**1.** (1) Akta ini bolehlah dinamakan Akta Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia (Pemerbadanan) (Pindaan) 2010.

(2) Akta ini mula berkuat kuasa pada tarikh yang ditetapkan oleh Menteri melalui pemberitahuan dalam *Warta*.

**Pindaan seksyen 2**

**2.** Akta Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia (Pemerbadanan) 1973 [*Akta 105*], yang disebut “Akta ibu” dalam Akta ini, dipinda dalam seksyen 2—

(a) dengan menomborkan semula peruntukan yang sedia ada sebagai subseksyen (1);

(b) dalam subseksyen (1);

(i) dengan memasukkan sebelum takrif “anggota” takrif yang berikut:

‘ “Akta ini” termasuklah apa-apa perundangan subsidiari yang dibuat di bawah Akta ini;’;

- (ii) dengan memasukkan selepas takrif “anggota” takrif yang berikut:
  - ‘ “dalam transit” ertinya diambil atau dihantar dari mana-mana negara dan dibawa masuk ke dalam Malaysia melalui darat, laut atau udara (sama ada atau tidak didaratkan atau dipindahkan ke pengangkut lain di Malaysia) bagi maksud semata-mata dibawa ke suatu negara lain sama ada dengan pengangkut yang sama atau yang lain;’;
- (iii) dengan memasukkan selepas takrif “dalam transit” takrif yang berikut:
  - ‘ “dapatan penyelidikan” ertinya apa-apa hasil atau output daripada aktiviti penyelidikan dan pembangunan, dan termasuklah keluaran yang baru atau lebih baik, reka bentuk, rekaan, inovasi dan pembangunan dalam apa-apa proses, teknik, alat atau mesin;’;
- (iv) dengan memasukkan selepas takrif “dapatan penyelidikan” takrif yang berikut:
  - ‘ “eksport” ertinya membawa atau menyebabkan dibawa keluar dari Malaysia melalui darat, laut atau udara atau meletakkan apa-apa kayu dalam suatu vesel, pengangkut atau pesawat udara bagi maksud supaya kayu itu dibawa keluar dari Malaysia melalui darat, laut atau udara;’;
- (v) dengan memasukkan selepas takrif “hari yang ditetapkan” takrif yang berikut:
  - ‘ “import” ertinya membawa atau menyebabkan dibawa apa-apa kayu ke dalam Malaysia melalui darat, laut atau udara tetapi tidak termasuk transit kayu dan pemindahan kayu ke pengangkut lain yang suci hati;’;
- (vi) dalam teks bahasa kebangsaan, dalam takrif “kilang”, dengan menggantikan perkataan “fabrik” dengan perkataan “pabrik”;

(vii) dengan memasukkan selepas takrif “kilang” takrif yang berikut:

‘ “kualiti kayu” ertinya gred, spesies, saiz dan apa-apa spesifikasi yang berhubungan dengan kayu;’;

(viii) dengan memasukkan selepas takrif “Kumpulan Wang” takrif yang berikut:

‘ “ladang hutan” ertinya penanaman, pengurusan dan pengusahahasilan pokok di bawah Program Pembangunan Ladang Hutan yang dilaksanakan oleh Lembaga;’;

(ix) dengan memasukkan selepas takrif “Lembaga” takrif yang berikut:

‘ “pasaran dalam negeri” ertinya pasaran dalam Malaysia;’;

(x) dengan memasukkan selepas takrif “pasaran dalam negeri” takrif yang berikut:

‘ “pedagang” ertinya seseorang yang menjalankan perniagaan menjual, memperdagangkan, mengagih atau memasarkan kayu bagi maksud pasaran dalam negeri;’;

(xi) dengan memasukkan selepas takrif “pedagang” takrif yang berikut:

‘ “pegawai kastam yang hak” mempunyai erti yang diberikan kepadanya dalam seksyen 2 Akta Kastam 1967 [*Akta 235*];’;

(xii) dengan memasukkan selepas takrif “pegawai kastam yang hak” takrif yang berikut:

‘ “pegawai penguat kuasa” ertinya—

(a) seorang pegawai Lembaga atau mana-mana pegawai awam yang dilantik di bawah seksyen 26A;

- (b) seorang pegawai polis yang berpangkat tidak rendah daripada Inspektor; atau
  - (c) seorang pegawai kastam sebagaimana yang ditakrifkan di bawah Akta Kastam 1967;’;
- (xiii) dalam takrif “pembekal”, dengan memasukkan selepas perkataan “membekalkan kayu” perkataan “bagi maksud eksport”;
- (xiv) dengan memotong takrif “pemeringkat berdaftar”;
- (xv) dengan memotong takrif “pemproses kayu”;
- (xvi) dengan memasukkan selepas takrif “pemeringkat” takrif yang berikut:
  - ‘ “pemproses” ertinya seseorang yang menjalankan perniagaan mengering tanur atau mengawet kayu;’;
- (xvii) dengan memasukkan selepas takrif “pengeksporth” takrif yang berikut:
  - ‘ “pengendali” ertinya seseorang yang memegang suatu perakuan kelayakan yang sah yang dikeluarkan oleh Lembaga untuk mengendalikan loji mengawet kayu, loji mengering tanur kayu atau kedua-duanya;’;
- (xviii) dalam takrif “pengendali jeti”, dengan memasukkan selepas perkataan “mengendalikan sesuatu jeti” perkataan “yang terlibat dalam apa-apa aktiviti yang berhubungan dengan pengeksporth atau pengimportan kayu”;
- (xix) dengan memasukkan selepas takrif “Pengerusi” takrif yang berikut:
  - ‘ “pengusahahasilan” ertinya mengambil, memungut, menoreh atau mengalih, apa-apa hasil hutan bagi maksud ladang hutan;’;

- (xx) dengan memasukkan selepas takrif “pengusahahasilan” takrif yang berikut:  
‘ “pengimport” ertinya seseorang yang mengimport kayu;’;
- (xxi) dengan memasukkan selepas takrif “pengimport” takrif yang berikut:  
‘ “perindustrian kayu” ertinya apa-apa aktiviti yang melibatkan ladang hutan, pembangunan, perdagangan, pemasaran, pemprosesan, pengilangan dan pengeluaran dan penyelidikan tentang kayu;’;
- (xxii) dengan memasukkan selepas takrif “perindustrian kayu” takrif yang berikut:  
‘ “permit”, berhubung dengan pengeksporan atau pengimportan kayu, ertinya suatu perakuan kelulusan yang dikeluarkan oleh Lembaga;’;
- (xxiii) dengan menggantikan takrif “pihak berkuasa pemeringkatan” dengan takrif yang berikut:  
‘ “pihak berkuasa pemeringkatan” ertinya Ketua Pengarah Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia;’;
- (xxiv) dengan memasukkan selepas takrif “pihak berkuasa pemeringkatan” takrif yang berikut:  
‘ “premis”, berhubung dengan kayu, ertinya mana-mana tempat, sama ada terbuka atau tertutup atau sama ada di atas tanah atau laut atau sama ada boleh alih atau tak boleh alih dan termasuklah mana-mana rumah, kilang, kedai, pengangkut, stor, bilik, balai, bangsal, kontena, jeti, yad, estet, ladang, gudang, pelabuhan atau lapangan terbang;’;
- (xxv) dengan memasukkan selepas takrif “premis” takrif yang berikut:  
‘ “ses” ertinya ses yang dikenakan di bawah seksyen 20;’;
- (xxvi) dengan memotong takrif “tempat pendaratan yang sah”; dan

(c) dengan memasukan selepas subseksyen (1) subseksyen yang berikut:

“(2) Peruntukan Akta ini tidak mengurangkan peruntukan Akta Perhutanan Negara 1984 [*Akta 313*] atau mana-mana undang-undang bertulis lain yang sedang berkuat kuasa berhubung dengan perhutanan.”.

#### **Pindaan seksyen 4**

**3.** Subseksyen 4(1) Akta ibu dipinda—

(a) dengan menggantikan perenggan (b) dengan perenggan yang berikut:

“(b) Ketua Setiausaha Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi;”;

(b) dengan memasukkan selepas perenggan (b) perenggan yang berikut:

“(ba) Ketua Setiausaha Perbendaharaan;”;

(c) dalam perenggan (c), dengan menggantikan perkataan “seorang wakil daripada” dengan perkataan “Ketua Setiausaha”;

(d) dalam perenggan (d), dengan menggantikan perkataan “seorang wakil daripada” dengan perkataan “Ketua Pengarah”;

(e) dengan menggantikan perenggan (e) dengan perenggan yang berikut:

“(e) Ketua Pengarah Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia;” dan

(f) dengan memasukkan selepas perenggan (e) perenggan yang berikut:

“(ea) Ketua Pengarah;”.

### **Pindaan seksyen 9**

4. Seksyen 9 Akta ibu dipinda dengan menggantikan subseksyen (2) dengan subseksyen yang berikut:

“(2) Lembaga boleh, dengan keizinan Menteri dan atas apa-apa terma dan syarat sebagaimana yang ditentukan oleh Lembaga, melantik apa-apa bilangan Timbalan Ketua Pengarah dan pegawai serta pekhidmat Lembaga termasuk Pemeriksa Kawalan Kualiti sebagaimana yang perlu bagi menjalankan maksud Akta ini.”.

### **Seksyen baru 9c**

5. Akta ibu dipinda dengan memasukkan selepas seksyen 9B seksyen yang berikut:

#### **“Pewakilan kewajipan Ketua Pengarah**

9c. (1) Ketua Pengarah boleh secara bertulis mewakilkan apa-apa kuasa atau kewajipan yang diberikan kepadanya di bawah Akta ini kepada mana-mana pegawai Lembaga, tertakluk kepada apa-apa terma dan syarat sebagaimana yang difikirkannya patut.

(2) Pewakilan di bawah seksyen ini tidak menghalang Ketua Pengarah sendiri daripada melaksanakan atau menjalankan, pada bila-bila masa, mana-mana kuasa atau kewajipan yang diwakilkan sedemikian.”.

### **Pindaan seksyen 12**

6. Seksyen 12 Akta ibu dipinda—

(a) dalam subseksyen (1)—

(i) dalam perenggan (g), dengan memotong perkataan “dan” di hujung perenggan itu; dan

- (ii) dengan memasukkan selepas perenggan (g) perenggan yang berikut:
- “(ga) melaksanakan dasar dan program pembangunan untuk memastikan peningkatan dan daya maju perindustrian kayu di Malaysia;
  - (gb) memajukan usahawan Bumiputera dalam perindustrian kayu supaya lebih berdaya saing;
  - (gc) melaksanakan kawalan dan memantau eksport, import, kayu dalam transit dan pasaran dalam negeri;
  - (gd) menjalankan penyelidikan, kajian semula dan penyiasatan, yang berfaedah kepada atau sesuai dengan pelaksanaan fungsi-fungsinya;
  - (ge) membangunkan dan mengkomersialkan dapatan penyelidikan bagi manfaat perindustrian kayu dan menggalakkan penggunaan dapatan penyelidikan secara komersial;
  - (gf) menggalakkan dan membangunkan aktiviti ladang hutan bagi maksud pembangunan perindustrian kayu dan apa-apa aktiviti lain yang berkaitan dengan pembangunan ladang hutan;
  - (gg) merancang dan menjalankan program pembangunan sumber manusia selari dengan pembangunan perindustrian kayu;
  - (gh) berhubung dan menyelaraskan dengan Kerajaan Negeri yang berkaitan dan badan-badan lain, termasuk anggota mana-mana persatuan di dalam dan di luar Malaysia, demi kepentingan perindustrian kayu; dan”;

(b) dalam subseksyen (2)—

- (i) dengan memotong perkataan “dan” di hujung perenggan (c);
- (ii) dengan menggantikan nokhtah di hujung perenggan (d) dengan koma bertitik; dan
- (iii) dengan memasukkan selepas perenggan (d) perenggan yang berikut:

“(e) untuk memperoleh, memegang, melupuskan atau memberikan hak berkaitan dengan keputusan apa-apa penyelidikan yang dijalankan oleh atau bagi pihak Lembaga, atau berkaitan dengan keputusan apa-apa penyelidikan yang dijalankan oleh mana-mana orang atau organisasi bagi pihak Lembaga;

(f) untuk menugaskan mana-mana orang atau badan untuk menjalankan penyelidikan atau pembangunan;

(g) untuk memberikan perakuan kemahiran berkenaan dengan program latihan dan program yang diiktiraf oleh Lembaga;

(h) untuk mengeluarkan lesen, perakuan, permit dan kelulusan di bawah Akta ini berkenaan dengan perindustrian kayu;

(i) untuk menentukan standard dan spesifikasi mana-mana keluaran kayu sebagaimana yang difikirkan wajar oleh Lembaga untuk perindustrian kayu;

(j) untuk menjalankan dan menyelaraskan apa-apa aktiviti yang berhubungan dengan penyelidikan dan pembangunan dalam penanaman, pengeluaran dan pengusahahasilan keluaran ladang hutan;

(k) untuk memberi pengiktirafan dan pemerakuan skim jaminan kualiti kayu kepada mana-mana orang yang terlibat dalam pengeluaran kayu;

- (l) untuk bekerjasama dengan mana-mana agensi atau organisasi yang diiktiraf di dalam atau di luar Malaysia;
  - (m) untuk menjalankan aktiviti penyelidikan dan pembangunan bagi pembangunan keluaran kayu dan aktiviti hiliran;
  - (n) untuk memberikan pinjaman, dengan atau tanpa faedah, kepada mana-mana badan, syarikat atau orang yang diluluskan oleh Menteri bagi pelaksanaan program ladang hutan atau apa-apa program lain bagi maksud pembangunan perindustrian kayu;
  - (o) untuk menjalankan peranan sebagai pihak berkuasa pemeringkatan; dan
  - (p) untuk melakukan semua perkara yang suai manfaat, perlu atau bersampingan dengan pelaksanaan fungsinya di bawah Akta ini.”;
- (c) dengan memasukkan selepas subseksyen (4) subseksyen yang berikut:
- “(4A) Peruntukan Jadual Keempat hendaklah terpakai berkenaan dengan tiap-tiap perbadanan yang ditubuhkan oleh Lembaga di bawah subseksyen (3).”.

### **Seksyen baru 12A**

7. Akta ibu dipinda dengan memasukkan selepas seksyen 12 seksyen yang berikut:

#### **“Pewakilan fungsi dan kuasa Lembaga**

**12A.** (1) Lembaga boleh, mewakilkan secara bertulis, atas apa-apa syarat, had atau sekatan sebagaimana yang difikirkannya patut dikenakan, mana-mana fungsi atau kuasanya, kecuali kuasa untuk membuat peraturan-peraturan dan kaedah-kaedah di bawah seksyen 34 Akta ini, kepada—

- (a) Pengerusi;
- (b) Ketua Pengarah;

- (c) mana-mana jawatankuasa yang dilantik oleh Lembaga; atau
- (d) mana-mana pegawai Lembaga yang diberi kuasa oleh Ketua Pengarah.

(2) Mana-mana orang atau jawatankuasa yang diwakilkan dengan fungsi dan kuasa Lembaga di bawah subseksyen (1) hendaklah terikat untuk mematuhi dan memberi perhatian kepada segala syarat, had atau sekatan yang dikenakan oleh Lembaga.

(3) Perwakilan di bawah seksyen ini tidak menghalang Lembaga sendiri daripada melaksanakan atau menjalankan pada bila-bila masa mana-mana fungsi atau kuasa yang diwakilkan sedemikian.”.

### **Penggantian seksyen 13**

8. Akta ibu dipinda dengan menggantikan seksyen 13 dengan seksyen yang berikut:

#### **“Larangan terhadap menjalankan aktiviti tanpa pendaftaran**

13. (1) Tiada seorang pun boleh menjalankan apa-apa aktiviti sebagai—

- (a) pengeksport;
- (b) pengimport;
- (c) pembekal;
- (d) pemeringkat;
- (e) pemproses;
- (f) pedagang;
- (g) pengendali; atau
- (h) pengendali jeti,

melainkan jika dia telah didaftarkan mengikut Akta ini.

(2) Mana-mana orang yang melanggar subseksyen (1) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi dua ratus lima puluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya.”.

### **Pemotongan seksyen 13A**

9. Akta ibu dipinda dengan memotong seksyen 13A.

### **Pindaan seksyen 14**

10. Seksyen 14 Akta ibu dipinda—

(a) dengan menggantikan subseksyen (1) dengan subseksyen yang berikut:

“(1) Sesuatu permohonan bagi pendaftaran di bawah Akta ini hendaklah dibuat kepada Lembaga.”;

(b) dalam subseksyen (2), dengan memotong perkataan “sebagai pengeksport, pengendali jeti, pemeringkat berdaftar, pembekal atau pemproses kayu, mengikut mana-mana yang berkenaan,”; dan

(c) dalam subseksyen (5), dengan memasukkan selepas perkataan “pemeringkat” perkataan “atau pengendali”.

### **Penggantian seksyen 15**

11. Akta ibu dipinda dengan menggantikan seksyen 15 dengan seksyen yang berikut:

#### **“Daftar**

15. Lembaga hendaklah menyimpan dan menyenggarakan suatu daftar yang berhubungan dengan pendaftaran di bawah seksyen 14 mengikut apa-apa bentuk dan cara sebagaimana yang ditentukan oleh Lembaga.”.

**Seksyen baru 18A dan 18B**

12. Akta ibu dipinda dengan memasukkan selepas seksyen 18 seksyen yang berikut:

**“Kewajipan untuk mengisytiharkan**

**18A.** (1) Seseorang pengeksport atau pengimport hendaklah membuat suatu pengisytiharan kepada Lembaga berkenaan dengan kayu yang akan dieksport atau diimport, sebelum pengeksportan atau pengimportan kayu itu.

(2) Mana-mana orang yang melanggar subseksyen (1) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi satu ratus ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya.

**Anggapan tentang eksport**

**18B.** Berhubung dengan eksport, kayu hendaklah disifatkan dibawa atau menyebabkan dibawa keluar dari Malaysia jika—

- (a) permit atau pemerakuan untuk pengeksportannya telah dikeluarkan oleh Lembaga;
- (b) ia telah dilepaskan oleh pegawai kastam yang hak di stesen kastam yang terakhir dalam laluan keluar dari Malaysia;
- (c) ia telah dimuatkan ke dalam suatu vesel atau pesawat udara yang hampir berlepas dari suatu pelabuhan atau jeti atau tempat di Malaysia; atau
- (d) ia telah dilepaskan oleh pegawai kastam yang hak di depoh pelepasan dalam negeri atau di stesen kastam dalam negeri dalam laluan keluar dari Malaysia melalui suatu pelabuhan kastam atau lapangan terbang.”.

**Pindaan seksyen 19****13. Seksyen 19 Akta ibu dipinda—**

(a) dalam subseksyen (2)—

- (i) dalam perenggan (a), dengan memasukkan selepas perkataan “seksyen” perkataan “14,”;
- (ii) dengan memasukkan selepas perenggan (c) perenggan yang berikut:
  - “(ca) segala wang yang diperoleh atau berbangkit daripada apa-apa harta, pelaburan, gadai janji, pajakan, penyewaan, gadaian atau debentur yang diperoleh oleh atau yang terletak hak pada Lembaga termasuklah apa-apa keuntungan yang didapati daripada perbadanan atau syarikat yang ditubuhkan di bawah Akta ini;
  - (cb) segala wang yang diperoleh daripada pengendalian apa-apa projek, skim atau perusahaan yang dibiayai daripada Kumpulan Wang;”;
- (iii) dalam perenggan (d), dengan memasukkan selepas perkataan “pemberian” perkataan “, sumbangan atau pinjaman”; dan
- (iv) dalam perenggan (e), dengan memotong perkataan “di bawah seksyen 21”; dan

(b) dengan menggantikan subseksyen (3) dengan subseksyen yang berikut:

“(3) Kumpulan Wang hendaklah dibelanjakan bagi maksud yang berikut:

- (a) membayar apa-apa perbelanjaan yang dilakukan secara sah oleh Lembaga, termasuk—
  - (i) saraan pegawai dan pekhidmat Lembaga, termasuk pemberian pinjaman, elaun persaraan, pencen atau ganjaran;

- (ii) perlindungan insurans atau insentif bagi pegawai dan pekhidmat Lembaga;
  - (iii) biasiswa pengajian tinggi bagi pegawai dan pekhidmat Lembaga sebagaimana yang diluluskan oleh Lembaga;
  - (iv) kos yang dilakukan dalam menyediakan kebajikan pegawai dan pekhidmat Lembaga; dan
  - (v) fi dan kos guaman dan apa-apa fi dan kos lain;
- (b) memberikan pinjaman atau menyediakan modal bagi perbadanan atau syarikat yang ditubuhkan di bawah Akta ini;
- (c) membayar balik apa-apa wang yang dipinjam di bawah Akta ini dan apa-apa faedah yang kena dibayar ke atas wang itu;
- (d) tertakluk kepada kelulusan Menteri, memberi sumbangan kepada mana-mana organisasi, sama ada di dalam atau di luar Malaysia, bagi maksud menggalakkan pembangunan perindustrian kayu, menggalakkan perdagangan dalam penggunaan dan pemprosesan kayu dan memastikan bekalan kayu yang mencukupi kepada perindustrian;
- (e) membiayai aktiviti penyelidikan dan pembangunan;
- (f) menyumbang kepada badan atau organisasi yang Lembaga merupakan anggota;
- (g) menyediakan pinjaman atau pemberian kepada institusi pengajian tinggi di dalam atau di luar Malaysia bagi maksud pembangunan sumber manusia dalam perindustrian kayu;
- (h) memberikan pinjaman, pemberian, modal atau apa-apa bentuk bantuan lain kepada mana-mana Bumiputera atau orang yang terlibat dalam perindustrian kayu, tertakluk kepada terma dan syarat yang ditetapkan oleh Lembaga;

- (i) membayar apa-apa perbelanjaan atau kos, yang dilakukan atau yang diterima dengan sewajarnya oleh Lembaga dalam melaksanakan fungsinya atau menjalankan kuasanya di bawah Akta ini;
- (j) membeli atau menyewa kelengkapan, jentera dan apa-apa bahan lain, memperoleh tanah dan mendirikan bangunan, serta menjalankan apa-apa kerja dan pengusahaan lain dalam melaksanakan fungsinya atau menjalankan kuasanya di bawah Akta ini; dan
- (k) pada amnya, membayar apa-apa perbelanjaan bagi melaksanakan peruntukan Akta ini.”.

## **Pindaan seksyen 20**

### **14. Seksyen 20 Akta ibu dipinda—**

- (a) dengan menggantikan nota bahu dengan nota bahu yang berikut:

**“Ses ke atas pengeksporan kayu”;**

- (b) dengan menomborkan semula seksyen yang sedia ada sebagai subseksyen (1) seksyen itu; dan
- (c) dengan memasukkan selepas subseksyen (1) subseksyen yang berikut:

“(2) Suatu perintah bagi pengenaan, pemungutan atau pengubahan ses di bawah subseksyen (1) boleh menetapkan amaun, kadar dan cara kutipan yang berlainan bagi jenis kayu yang berlainan berhubung dengan orang yang berlainan atau golongan orang yang berlainan.

(3) Seseorang yang tidak atau enggan membayar apa-apa ses yang dikenakan di bawah seksyen ini melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi sepuluh kali amaun ses yang kena dibayar atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya.

(4) Amaun apa-apa ses yang dikenakan di bawah seksyen ini hendaklah menjadi hutang yang kena dibayar kepada Lembaga daripada orang yang ke atasnya ses itu dikenakan dan boleh dibawa guaman bagi dan didapatkan dalam mana-mana mahkamah atas guaman Lembaga.

(5) Pemulaan prosiding di bawah seksyen ini tidak melepaskan mana-mana orang daripada liabiliti untuk membayar apa-apa ses yang baginya dia adalah atau boleh menjadi bertanggung atau daripada liabiliti untuk membuat apa-apa penyata yang dia dikehendaki membuatnya oleh Akta ini.”.

#### **Pindaan seksyen 20A**

**15.** Seksyen 20A Akta ibu dipinda dengan menggantikan perkataan “atau perkhidmatan lain yang diberikan oleh Lembaga menurut Akta ini” dengan perkataan “, pengujian, penyelidikan, penyiasatan yang disediakan atau dilakukan oleh Lembaga atau apa-apa perkhidmatan lain yang disediakan oleh Lembaga atau penggunaan kemudahan Lembaga menurut Akta ini”.

#### **Penggantian seksyen 21**

**16.** Akta ibu dipinda dengan menggantikan seksyen 21 dengan seksyen yang berikut:

##### **“Sumbangan oleh Negeri**

**21.** Mana-mana Negeri boleh menyumbang kepada Kumpulan Wang apa-apa jumlah wang sebagaimana yang dipersetujui antara Menteri dengan Negeri itu.”.

#### **Bahagian baru IVA**

**17.** Akta ibu dipinda dengan memasukkan selepas Bahagian IV Bahagian yang berikut:

## “BAHAGIAN IVA

KUASA YANG BERHUBUNGAN DENGAN  
PENGUATKUASAAN, PENYITAAN, PENANGKAPAN, DSB.**Pelantikan pegawai penguat kuasa**

**26A.** Ketua Pengarah boleh secara bertulis melantik apa-apa bilangan pegawai penguat kuasa yang perlu bagi maksud Akta ini.

**Kuasa penyiasatan**

**26B.** (1) Seseorang pegawai penguat kuasa hendaklah mempunyai segala kuasa yang perlu untuk menjalankan penyiasatan di bawah Akta ini.

(2) Bagi maksud subseksyen (1), Kanun Tatacara Jenayah [*Akta 593*] hendaklah terpakai dan seseorang pegawai penguat kuasa hendaklah mempunyai segala kuasa yang diperuntukkan di bawah Kanun itu.

**Kad kuasa**

**26C.** (1) Ketua Pengarah hendaklah mengeluarkan kepada setiap pegawai penguat kuasa yang dilantik di bawah seksyen 26A suatu kad kuasa yang hendaklah ditandatangani oleh Ketua Pengarah.

(2) Bilamana pegawai penguat kuasa itu menjalankan mana-mana kuasa di bawah Akta ini, dia hendaklah, apabila diminta, mengemukakan kepada orang yang terhadapnya kuasa itu sedang dijalankan kad kuasa yang dikeluarkan kepadanya di bawah subseksyen (1).

**Kuasa untuk menangkap**

**26D.** (1) Seseorang pegawai penguat kuasa boleh menangkap tanpa waran mana-mana orang—

(a) yang didapati melakukan, cuba melakukan atau bersubahat dalam melakukan suatu kesalahan di bawah Akta ini; atau

- (b) yang pegawai penguat kuasa dengan semunasabahnya mengesyakinya terlibat dalam melakukan, cuba melakukan atau bersubahat dalam melakukan suatu kesalahan di bawah Akta ini.

(2) Seseorang pegawai penguat kuasa yang membuat suatu tangkapan di bawah subseksyen (1) hendaklah, tanpa kelengahan yang tidak perlu, membawa orang yang ditangkap itu ke balai polis yang paling hampir, dan sesudah itu orang itu hendaklah diperlakukan mengikut undang-undang yang berhubungan dengan tatacara jenayah yang sedang berkuat kuasa.

### **Pengeledahan dan penyitaan dengan waran**

**26E.** (1) Jika ternyata pada Mahkamah, berdasarkan maklumat bertulis dengan bersumpah dan selepas apa-apa siasatan sebagaimana yang difikirkan perlu oleh Mahkamah itu, bahawa terdapat sebab yang munasabah untuk dipercayai bahawa—

- (a) mana-mana premis telah digunakan atau akan digunakan bagi; atau
- (b) terdapat dalam mana-mana premis keterangan yang perlu bagi pengendalian penyiasatan mengenai,

pelakuan suatu kesalahan di bawah Akta ini, Mahkamah itu boleh mengeluarkan waran yang memberi kuasa kepada mana-mana pegawai penguat kuasa yang dinamakan dalam waran itu, pada bila-bila masa yang munasabah, pada waktu siang atau malam dan dengan atau tanpa bantuan, untuk memasuki premis itu dan jika perlu dengan kekerasan.

(2) Sesuatu waran yang dikeluarkan di bawah subseksyen (1) boleh memberi kuasa kepada pegawai penguat kuasa untuk—

- (a) menggeledah premis itu bagi, dan untuk menyita atau memindahkan dari premis itu mana-mana kayu, pengangkut, jentera, peralatan, kelengkapan, buku, rekod, dokumen atau benda lain yang semunasabahnya dipercayai dapat memberikan keterangan mengenai pelakuan kesalahan itu;

- (b) mengambil sampel mana-mana kayu, atau benda yang dijumpai dalam premis itu bagi maksud menentukan, melalui pengujian atau selainnya, sama ada kesalahan itu telah dilakukan; dan
- (c) membuat salinan atau mengambil cabutan daripada mana-mana buku, rekod, dokumen atau benda lain yang dijumpai di dalam premis itu.

(3) Seseorang pegawai penguat kuasa yang memasuki mana-mana premis di bawah seksyen ini boleh membawa bersama-samanya mana-mana orang lain dan kelengkapan sebagaimana yang didapatinya perlu.

(4) Seseorang pegawai penguat kuasa boleh, pada menjalankan kuasanya di bawah seksyen ini, jika perlu untuk berbuat demikian—

- (a) memecah buka mana-mana pintu luar atau pintu dalam premis itu atau mana-mana pagar, kepungan, pintu pagar atau galangan lain kepada premis itu, untuk masuk ke dalam premis itu;
- (b) memindahkan dengan kekerasan apa-apa halangan kepada kemasukan, penggeledahan, penyitaan atau pemindahan sebagaimana yang dia diberi kuasa untuk melaksanakannya di bawah seksyen ini; dan
- (c) menahan mana-mana orang yang dijumpai di dalam premis itu sehingga penggeledahan itu selesai.

(5) Jika, oleh sebab jenis, saiz atau amaunnya, pemindahan mana-mana kayu, pengangkut, jentera, peralatan, kelengkapan, buku, rekod, dokumen atau benda lain yang disita di bawah seksyen ini tidak boleh dilaksanakan, pegawai penguat kuasa itu hendaklah, dengan apa-apa cara, mengelak kayu, pengangkut, jentera, peralatan, kelengkapan, buku, rekod, dokumen atau benda lain itu di dalam premis atau di dalam bekas yang di dalamnya ia dijumpai.

(6) Mana-mana orang yang, tanpa kuasa yang sah, memecahkan, mengganggu atau merosakkan lak yang disebut dalam subseksyen (5) atau memindahkan kayu, pengangkut, jentera, peralatan, kelengkapan, buku, rekod, dokumen atau benda lain itu yang dilak atau cuba berbuat demikian melakukan

suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi satu ratus ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya.

### **Pengeledahan dan penyitaan tanpa waran**

**26F.** Bilamana seseorang pegawai penguat kuasa mempunyai sebab yang munasabah untuk mempercayai bahawa mana-mana kayu, pengangkut, jentera, peralatan, kelengkapan, buku, rekod, dokumen atau benda lain yang berkenaan dengannya suatu kesalahan di bawah Akta ini telah dilakukan mungkin dijumpai di dalam atau pada mana-mana premis, orang atau pengangkut dan bahawa oleh sebab kelengahan dalam mendapatkan waran di bawah seksyen 26E, tujuan pengeledahan itu akan terkecewa, dia boleh, dengan keizinan Ketua Pengarah, tanpa waran, dengan apa-apa bantuan, dan dengan menggunakan kekerasan yang perlu—

- (a) memasuki dan menggeledah premis itu;
- (b) menahan dan memeriksa mana-mana orang, menggeledah kenderaan, vesel atau pengangkut; dan
- (c) menyita mana-mana kayu, pengangkut, jentera, peralatan, kelengkapan, buku, rekod, dokumen atau benda lain yang dijumpai dan boleh menjadi keterangan mengenai pelakuan kesalahan itu.

### **Kuasa untuk memasuki premis**

**26G.** Walau apa pun seksyen 26E dan 26F, seseorang pegawai penguat kuasa boleh pada bila-bila masa memasuki mana-mana premis bagi maksud—

- (a) memeriksa apa-apa kayu, pengangkut, jentera, peralatan, kelengkapan, buku, rekod, dokumen atau benda lain sebagaimana yang difikirkannya perlu;
- (b) mengesahkan ketepatan rekod atau pernyataan atau apa-apa maklumat yang diberikan kepada pegawai penguat kuasa atau kepada Lembaga; atau
- (c) memungut sampel apa-apa kayu.

**Akses kepada data berkomputer**

**26H.** (1) Seseorang pegawai penguat kuasa yang menjalankan penggeledahan di bawah Akta ini hendaklah diberi akses kepada data berkomputer sama ada disimpan di dalam suatu komputer atau selainnya.

(2) Bagi maksud seksyen ini, akses hendaklah diberikan kata laluan, kod penyulitan, kod penyahsulitan, perisian atau perkakasan yang perlu dan apa-apa cara lain yang diperlukan untuk membolehkan data berkomputer difahami.

**Penyitaan benda, dsb.**

**26I.** Tanpa menjejaskan subseksyen 26E(2) dan seksyen 26F, apa-apa kayu, pengangkut, jentera, peralatan, kelengkapan, buku, rekod, dokumen atau benda lain yang semunasabahnya disyaki oleh seseorang pegawai penguat kuasa telah digunakan atau akan digunakan dalam pelakuan suatu kesalahan di bawah Akta ini boleh disita dan ditahan oleh pegawai penguat kuasa itu.

**Kuasa untuk memberhentikan, menggeledah dan menyita pengangkut**

**26J.** (1) Jika seseorang pegawai penguat kuasa mempunyai sebab yang munasabah untuk mengesyaki bahawa mana-mana pengangkut sedang membawa mana-mana kayu, jentera, peralatan, kelengkapan, buku, rekod, dokumen atau apa-apa benda lain yang berkenaan dengannya suatu kesalahan di bawah Akta ini adalah atau telah dilakukan, dia boleh memberhentikan dan memeriksa pengangkut itu dan boleh, jika semasa pemeriksaan itu dia mempunyai sebab yang munasabah untuk mempercayai bahawa pengangkut itu adalah atau telah digunakan bagi pelakuan kesalahan itu, menyita pengangkut itu dan mana-mana kayu, jentera, peralatan, kelengkapan, buku, rekod, dokumen atau benda lain yang dijumpai di dalam pengangkut itu yang semunasabahnya dipercayai dapat memberikan keterangan mengenai pelakuan kesalahan itu.

(2) Orang yang mempunyai kawalan atau bertanggungjawab ke atas pengangkut itu hendaklah, jika dikehendaki berbuat demikian oleh pegawai penguat kuasa—

- (a) memberhentikan pengangkut itu dan membenarkan pegawai penguat kuasa memeriksa pengangkut itu; dan
- (b) membuka semua bahagian pengangkut itu bagi pemeriksaan dan mengambil segala langkah yang perlu untuk membolehkan atau memudahkan pemeriksaan itu dijalankan sebagaimana yang difikirkan perlu oleh pegawai penguat kuasa itu.

(3) Mana-mana orang yang melanggar subseksyen (2) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi satu ratus ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya.

### **Senarai benda yang disita**

**26K.** (1) Jika apa-apa penyitaan dibuat di bawah Akta ini, seseorang pegawai penguat kuasa yang membuat penyitaan itu hendaklah menyediakan suatu senarai kayu, pengangkut, jentera, peralatan, kelengkapan, buku, rekod, dokumen atau benda lain yang disita dan mengenai premis yang di dalamnya ia dijumpai dan hendaklah menandatangani senarai itu.

(2) Senarai yang disediakan mengikut subseksyen (1) hendaklah diserahkan dengan serta-merta kepada—

- (a) penghuni premis tempat kayu, jentera, peralatan, kelengkapan, buku, rekod, dokumen atau benda lain yang disita itu dijumpai; dan
- (b) orang yang mempunyai kawalan atau bertanggungjawab ke atas pengangkut itu, jika penyitaan itu dibuat di bawah seksyen 26J.

(3) Jika penyitaan itu dibuat di dalam atau dari mana-mana premis yang tidak berpenghuni, pegawai penguat kuasa itu hendaklah bilamana mungkin menampalkan senarai barang yang disita itu di tempat yang mudah dilihat di premis itu.

(4) Jika apa-apa kayu, pengangkut, jentera, peralatan, kelengkapan, buku, rekod, dokumen atau benda lain disita selain di dalam atau dari mana-mana premis, pegawai penguat kuasa yang membuat penyitaan itu hendaklah memberikan suatu notis secara bertulis mengenai penyitaan itu dan alasan-alasan penyitaan itu kepada pemunya kayu, pengangkut, jentera, peralatan, kelengkapan, buku, rekod, dokumen atau benda lain yang disita itu dengan menyerahkan suatu salinan notis itu kepada pemunya itu sendiri atau melalui pos berdaftar ke tempat perniagaan atau kediamannya.

### **Pemulangan sementara pengangkut, dsb.**

**26L.** (1) Jika mana-mana pengangkut, jentera, peralatan atau kelengkapan disita di bawah Akta ini, Ketua Pengarah boleh buat sementara memulangkan pengangkut, jentera, peralatan atau kelengkapan itu kepada pemunya pengangkut, jentera, peralatan atau kelengkapan itu atau orang yang dari milikan, jagaan atau kawalannya ia disita, tertakluk kepada apa-apa terma dan syarat sebagaimana yang dikenakan oleh Ketua Pengarah, dan tertakluk dalam mana-mana hal, kepada jaminan yang mencukupi diberikan sehingga memuaskan hati Ketua Pengarah bahawa pengangkut, jentera, peralatan atau kelengkapan itu akan diserahkan balik kepada Ketua Pengarah apabila diminta dan bahawa terma dan syarat itu, jika ada, akan dipatuhi.

(2) Jika apa-apa pengangkut, jentera, peralatan atau kelengkapan yang disita dipulangkan buat sementara di bawah subseksyen (1), seseorang yang—

- (a) tidak menyerahkan balik pengangkut, jentera, peralatan atau kelengkapan itu kepada Ketua Pengarah apabila diminta; atau
- (b) melanggar mana-mana terma atau syarat yang dikenakan di bawah subseksyen (1),

melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi satu ratus ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya.

### **Penjualan dan pelupusan kayu yang disita**

**26M.** (1) Ketua Pengarah boleh pada bila-bila masa mengarahkan bahawa mana-mana kayu yang disita di bawah Akta ini dijual dan hasil penjualan itu dipegang sementara menunggu keputusan apa-apa pendakwaan di bawah Akta ini jika—

- (a) kayu itu mudah merosot kualitasnya;
- (b) penjagaan kayu itu melibatkan perbelanjaan dan kesusahan yang tidak munasabah;
- (c) terdapat kekurangan atau ketiadaan kemudahan yang mencukupi atau sesuai untuk menyimpan kayu itu; atau
- (d) kayu itu dipercayai menyebabkan halangan atau berbahaya kepada orang awam.

(2) Ketua Pengarah boleh, menurut budi bicaranya—

- (a) memulangkan untuk sementara kayu itu kepada pemunya atau orang yang dari milikan, jagaan atau kawalannya kayu itu disita, tertakluk kepada apa-apa terma dan syarat sebagaimana yang dikenakan oleh Ketua Pengarah dan dalam apa-apa hal, tertakluk kepada jaminan yang mencukupi diberikan sehingga memuaskan hati Ketua Pengarah bahawa kayu itu akan diserahkan balik kepada Ketua Pengarah apabila diminta dan bahawa terma dan syarat tersebut, jika ada, adalah dipatuhi;
- (b) memulangkan kayu itu kepada pemunya atau orang yang dari milikan, jagaan atau kawalannya kayu itu disita dengan kebebasan bagi orang yang kepadanya kayu itu dipulangkan untuk dilupuskannya, pemulangan itu yang tertakluk kepada jaminan diberikan sehingga memuaskan hati Ketua Pengarah dalam amaun tidak kurang daripada amaun yang pada pendapat Ketua Pengarah, merupakan nilai pasaran terbuka kayu itu pada tarikh yang ia dipulangkan bagi pembayaran amaun yang dijamin itu kepada Ketua Pengarah sekiranya Mahkamah membuat suatu perintah bagi pelucuthakkan amaun itu di bawah seksyen 26Q.

(3) Walau apa pun subseksyen (1), jika seseorang juruanalisis yang dilantik di bawah seksyen 29G memperakui, atau jika keputusan ujian sebagaimana yang diperakui oleh seseorang juruanalisis membuktikan, bahawa kayu yang diujinya itu merosot dari segi kualiti, Ketua Pengarah boleh menyimpannya dalam jagaan, atau jika tiada pendakwaan dimulakan berkenaan dengan kayu itu, menyebabkan kayu itu dilupuskan mengikut cara yang ditentukan oleh Ketua Pengarah.

### **Kuasa untuk menghendaki kehadiran orang yang mengetahui kes**

**26N.** (1) Seseorang pegawai penguat kuasa yang menjalankan penyiasatan di bawah Akta ini boleh, melalui notis bertulis, menghendaki kehadiran di hadapannya mana-mana orang yang pada pendapatnya mempunyai pengetahuan tentang fakta dan hal keadaan kes itu dan orang itu hendaklah hadir sebagaimana yang dikehendaki.

(2) Jika mana-mana orang itu enggan hadir sebagaimana yang dikehendaki oleh suatu notis yang dibuat di bawah subseksyen (1), pegawai penguat kuasa itu boleh melaporkan keenggannya kepada Mahkamah yang hendaklah mengeluarkan suatu waran bagi memastikan kehadiran orang itu sebagaimana yang dikehendaki oleh notis itu.

(3) Mana-mana orang yang dikehendaki hadir di hadapan pegawai penguat kuasa di bawah subseksyen (1) atau (2) boleh dibayar apa-apa elaun sebagaimana yang ditetapkan oleh Menteri.

### **Pemeriksaan orang yang mengetahui kes**

**26o.** (1) Seseorang pegawai penguat kuasa yang membuat penyiasatan di bawah Akta ini boleh memeriksa secara lisan mana-mana orang yang dijangkakan mengetahui fakta dan hal keadaan kes itu.

(2) Orang itu adalah terikat untuk menjawab segala soalan yang berhubungan dengan kes itu yang dikemukakan kepadanya oleh pegawai penguat kuasa, tetapi dia boleh

enggan menjawab apa-apa soalan yang jawapannya mungkin mendedahkannya kepada suatu pertuduhan jenayah atau penalti atau pelucuthakan.

(3) Seseorang yang membuat suatu pernyataan di bawah seksyen ini adalah terikat di sisi undang-undang untuk menyatakan yang benar, sama ada atau tidak pernyataan sedemikian dibuat keseluruhannya atau sebahagiannya bagi menjawab soalan itu.

(4) Seseorang pegawai penguat kuasa yang memeriksa seseorang di bawah subseksyen (1) hendaklah terlebih dahulu memaklumkan orang itu mengenai peruntukan subseksyen (2) dan (3).

(5) Sesuatu pernyataan yang dibuat oleh mana-mana orang di bawah seksyen ini hendaklah, bilamana mungkin, diubah ke dalam bentuk bertulis dan ditandatangani oleh orang yang membuatnya atau dicapkan dengan cap ibu jarinya, mengikut mana-mana yang berkenaan, selepas—

- (a) ia telah dibacakan kepadanya dalam bahasa pernyataan itu dibuat olehnya; dan
- (b) dia diberi peluang untuk membuat apa-apa pembedaan yang dia mahu.

### **Kebolehterimaan pernyataan sebagai keterangan**

**26p.** (1) Dalam mana-mana perbincangan atau siasatan oleh sesuatu Mahkamah mengenai suatu kesalahan di bawah Akta ini, apa-apa pernyataan, sama ada pernyataan itu terjumlah kepada pengakuan salah atau tidak, secara lisan atau bertulis, yang dibuat pada bila-bila masa, sama ada sebelum atau selepas orang itu dipertuduh dan sama ada semasa penyiasatan di bawah Akta ini atau tidak dan sama ada atau tidak secara keseluruhannya atau sebahagiannya pada menjawab soalan, oleh seseorang tertuduh kepada atau dengan didengar oleh seseorang pegawai penguat kuasa dan sama ada atau tidak diterjemahkan kepadanya oleh mana-mana pegawai penguat kuasa lain atau mana-mana orang lain, sama ada yang terlibat atau tidak dalam penangkapan orang itu, hendaklah, walau apa pun mana-mana undang-undang bertulis atau rukun

undang-undang yang berlawanan, boleh diterima sebagai keterangan dalam perbicaraan orang itu dan, jika orang itu mengemukakan dirinya sebagai saksi, mana-mana pernyataan sedemikian boleh digunakan dalam pemeriksaan balas dan bagi maksud mencabar kebolehpercayaannya.

(2) Tiada pernyataan yang dibuat di bawah subseksyen (1) boleh diterima atau digunakan sebagaimana yang diperuntukkan dalam subseksyen itu jika pembuatan pernyataan itu ternyata pada Mahkamah telah disebabkan oleh apa-apa dorongan, ugutan atau janji berkaitan dengan pertuduhan terhadap orang itu yang datang daripada orang yang berkuasa dan mencukupi pada pendapat Mahkamah itu untuk memberi orang itu sebab yang pada pendapatnya adalah munasabah untuk menjangkakan bahawa dengan membuat pernyataan itu dia akan mendapat apa-apa faedah atau mengelakkan apa-apa durjana keduniaan berkaitan dengan prosiding terhadapnya itu.

(3) Jika mana-mana orang ditangkap atau dimaklumkan bahawa dia mungkin didakwa atas apa-apa kesalahan di bawah Akta ini, hendaklah disampaikan kepadanya oleh pegawai penguat kuasa suatu notis bertulis, yang hendaklah diterangkan kepadanya, yang bermaksud seperti yang berikut:

“Kamu telah ditangkap/dimaklumkan bahawa kamu mungkin didakwa atas .....(kesalahan yang mungkin dilakukan di bawah Akta ini). Adakah kamu hendak mengatakan apa-apa? Jika ada apa-apa fakta yang hendak kamu gunakan dalam pembelaan kamu di Mahkamah, kamu dinasihati supaya menyatakannya sekarang. Jika kamu tidak menyatakannya sehingga kamu pergi ke Mahkamah, kemungkinan keterangan kamu akan kurang dipercayai dan ini mungkin membawa kesan buruk kepada kes kamu pada amnya. Jika kamu ingin menyatakan apa-apa fakta sekarang, dan kamu mahu ia ditulis, ini akan dilakukan.”.

(4) Walau apa pun subseksyen (3), sesuatu pernyataan oleh mana-mana orang yang dituduh melakukan apa-apa kesalahan di bawah Akta ini yang dibuat sebelum ada masa untuk menyampaikan notis di bawah subseksyen itu tidaklah menjadi tidak boleh diterima sebagai keterangan semata-mata oleh sebab ketiadaan notis sedemikian disampaikan kepadanya jika notis itu disampaikan kepadanya secepat yang semunasabahnya mungkin selepas itu.

(5) Tiada pernyataan yang dibuat oleh seseorang orang tertuduh pada menjawab notis bertulis yang disampaikan kepadanya menurut subseksyen (3) boleh ditafsirkan sebagai pernyataan yang disebabkan oleh apa-apa dorongan, ugutan atau janji sebagaimana yang diperihalkan dalam subseksyen (2), jika pernyataan itu dibuat selainnya dengan sukarela.

(6) Jika dalam mana-mana prosiding jenayah terhadap seseorang bagi suatu kesalahan di bawah Akta ini, keterangan diberikan bahawa tertuduh, apabila dimaklumkan bahawa dia mungkin didakwa atas kesalahan itu, gagal menyatakan apa-apa fakta, iaitu fakta yang dalam hal keadaan yang wujud pada masa itu dapat dijangkakan semunasabahnya bahawa dia akan menyatakannya apabila dimaklumkan sedemikian, Mahkamah, dalam menentukan sama ada pihak pendakwa sudah membuktikan kes *prima facie* terhadap tertuduh dan dalam menentukan sama ada tertuduh bersalah atas kesalahan yang dipertuduh, boleh membuat apa-apa inferens daripada kegagalan itu yang pada pendapatnya wajar; dan kegagalan itu boleh, berasaskan inferens itu, dikira sebagai, atau sebagai boleh terjumlah kepada, sokongan mengenai apa-apa keterangan yang diberikan terhadap tertuduh yang berhubungan dengannya kegagalan itu merupakan suatu perkara matan.

(7) Tiada apa-apa jua dalam subseksyen (6) boleh, dalam mana-mana prosiding jenayah—

- (a) menjejaskan kebolehterimaan sebagai keterangan perbuatan berdiam diri atau apa-apa reaksi lain tertuduh semasa apa-apa jua dikatakan dalam kehadirannya yang berhubungan dengan kelakuan yang berkenaan dengannya dia dipertuduh, setakat yang keterangan sedemikian akan boleh diterima selain subseksyen itu; atau
- (b) dikira sebagai menghalang apa-apa inferens dibuat daripada apa-apa perbuatan berdiam diri atau reaksi lain tertuduh yang dapat dibuat selain subseksyen itu.

### **Pelucuthakan kayu, dsb., yang disita**

**26Q.** (1) Mana-mana kayu atau hasil penjualan kayu itu, atau apa-apa pengangkut, jentera, peralatan, kelengkapan, buku, rekod, dokumen atau benda lain yang disita di bawah Akta ini boleh dilucuthakkan.

(2) Suatu perintah bagi pelucuthakan kayu atau hasil penjualan kayu itu, atau pengangkut, jentera, peralatan, kelengkapan, buku, rekod, dokumen atau benda lain hendaklah dibuat jika dibuktikan hingga Mahkamah berpuas hati bahawa suatu kesalahan di bawah Akta ini telah dilakukan dan bahawa kayu atau hasil penjualan kayu itu, atau pengangkut, jentera, peralatan, kelengkapan, buku, rekod, dokumen atau benda lain itu merupakan hal perkara bagi atau digunakan dalam pelakuan kesalahan itu, walaupun tiada orang telah disabitkan atas kesalahan itu.

(3) Jika tiada pendakwaan berkenaan dengan mana-mana kayu atau hasil penjualan kayu itu, atau mana-mana pengangkut, jentera, peralatan, kelengkapan, buku, rekod, dokumen atau benda lain yang disita di bawah Akta ini, kayu atau hasil penjualan kayu itu, atau mana-mana pengangkut, jentera, peralatan, kelengkapan, buku, rekod, dokumen atau benda lain itu hendaklah diambil dan disifatkan terlucut hak apabila tamat tempoh satu bulan kalendar dari tarikh penyampaian notis ke alamat yang terakhir diketahui orang yang daripadanya kayu atau hasil penjualan kayu itu, atau mana-mana pengangkut, jentera, peralatan, kelengkapan, buku, rekod, dokumen atau benda lain itu disita yang menyatakan bahawa tiada pendakwaan berkenaan dengan kayu atau hasil penjualan kayu itu, atau mana-mana pengangkut, jentera, peralatan, kelengkapan, buku, rekod, dokumen atau benda lain melainkan jika sebelum tamat tempoh itu suatu tuntutan baginya dibuat mengikut cara yang dinyatakan dalam subseksyen (4), (5), (6) dan (7).

(4) Mana-mana orang yang menegaskan bahawa dia ialah pemunya kayu atau hasil penjualan kayu itu, atau pengangkut, jentera, peralatan, kelengkapan, buku, rekod, dokumen atau benda lain yang disebut dalam subseksyen (3) dan bahawa kayu atau hasil penjualan kayu itu, atau pengangkut, jentera, peralatan, kelengkapan, buku, rekod, dokumen atau benda lain itu tidak boleh dilucut hak, boleh memberikan notis bertulis, dengan sendiri atau melalui ejennya yang diberi kuasa secara bertulis, kepada pegawai penguat kuasa yang dalam milikannya kayu atau hasil penjualan kayu itu, atau mana-mana pengangkut, jentera, peralatan, kelengkapan, buku, rekod, dokumen atau benda lain itu dipegang bahawa dia menuntut kayu atau hasil penjualan kayu itu, atau mana-mana pengangkut, jentera, peralatan, kelengkapan, buku, rekod, dokumen atau benda lain itu.

(5) Apabila notis yang disebut dalam subseksyen (4) diterima, pegawai penguat kuasa hendaklah merujukkan perkara itu kepada Ketua Pengarah yang boleh mengarahkan supaya kayu atau hasil penjualan kayu itu, atau pengangkut, jentera, peralatan, kelengkapan, buku, rekod, dokumen atau benda lain itu dilepaskan atau boleh mengarahkan pegawai penguat kuasa, melalui maklumat bertulis, supaya merujukkan perkara itu kepada Mahkamah.

(6) Mahkamah yang kepadanya sesuatu perkara dirujukkan di bawah subseksyen (5) hendaklah mengeluarkan suatu saman yang menghendaki Lembaga dan orang yang menegaskan bahawa dia ialah pemunya kayu atau hasil penjualan kayu itu, atau pengangkut, jentera, peralatan, kelengkapan, buku, rekod, dokumen atau benda lain itu dan orang yang daripadanya kayu atau hasil penjualan kayu itu, atau pengangkut, jentera, peralatan, kelengkapan, buku, rekod, dokumen atau benda lain itu disita untuk hadir di hadapan Mahkamah itu, dan apabila wakil Lembaga dan pemunya kayu itu hadir atau mana-mana daripada mereka gagal untuk hadir, setelah dibuktikan bahawa saman itu telah disampaikan dengan sewajarnya, Mahkamah hendaklah meneruskan pemeriksaan perkara itu.

(7) Jika dibuktikan bahawa suatu kesalahan di bawah Akta ini telah dilakukan dan bahawa kayu atau hasil penjualan kayu itu, atau pengangkut, jentera, peralatan, kelengkapan, buku, rekod, dokumen atau benda lain yang disebut dalam subseksyen (6) merupakan hal perkara bagi atau telah digunakan dalam pelakuan kesalahan itu, maka Mahkamah hendaklah memerintahkan supaya kayu atau hasil penjualan kayu itu atau pengangkut, jentera, peralatan, kelengkapan, buku, rekod, dokumen atau benda lain itu dilucuthakkan, dan hendaklah, jika tiada bukti sedemikian, memerintahkan pelepasannya.

(8) Mana-mana kayu atau hasil penjualan kayu itu, atau apa-apa pengangkut, jentera, peralatan, kelengkapan, buku, rekod, dokumen atau benda lain yang dilucuthakkan atau disifatkan terlucut hak hendaklah dihantar serah kepada pegawai penguat kuasa dan hendaklah dilupuskan mengikut arahan Mahkamah.

(9) Lembaga tidak bertanggungjawab kepada mana-mana orang bagi apa-apa kemerosotan, tidak kira bagaimana sekalipun berlaku, dalam kualiti kayu yang disita di bawah Akta ini.

**Hak harta mengenai kayu, dsb., yang dilucuthakkan**

**26r.** Mana-mana kayu atau hasil penjualan kayu itu, atau mana-mana pengangkut, jentera, peralatan, kelengkapan, buku, rekod, dokumen atau benda lain yang dilucuthakkan atau diambil dan disifatkan terlucut hak di bawah Akta ini hendaklah menjadi harta Lembaga.

**Pelepasan kayu, dsb., yang disita**

**26s.** Walau apa pun seksyen 26q, Ketua Pengarah atau mana-mana pegawai penguat kuasa yang diberi kuasa secara bertulis oleh Ketua Pengarah boleh, jika difikirkannya patut, pada bila-bila masa mengarahkan supaya mana-mana kayu atau hasil penjualan kayu itu, atau mana-mana pengangkut, jentera, peralatan, kelengkapan, buku, rekod, dokumen atau benda lain yang disita di bawah Akta ini dilepaskan kepada orang yang dari milikan, jagaan atau kawalannya kayu atau hasil penjualan kayu itu, atau mana-mana pengangkut, jentera, peralatan, kelengkapan, buku, rekod, dokumen atau benda lain itu disita.

**Pegawai penguat kuasa boleh mendapatkan bantuan untuk memeriksa benda yang berkaitan dengan kesalahan**

**26t.** Seseorang pegawai penguat kuasa boleh mendapatkan bantuan mana-mana orang yang berkelayakan untuk memeriksa mana-mana kayu atau hasil penjualan kayu itu, atau mana-mana pengangkut, jentera, peralatan, kelengkapan, buku, rekod, dokumen atau benda lain yang disita atau ditahan di bawah Akta ini jika orang itu mempunyai kelayakan yang perlu untuk memeriksa kayu atau hasil penjualan kayu itu, atau mana-mana pengangkut, jentera, peralatan, kelengkapan, buku, rekod, dokumen atau benda lain itu bagi maksud sesuatu penyiasatan di bawah Akta ini.

**Kuasa untuk mengambil sampel**

**26u.** (1) Seseorang pegawai penguat kuasa boleh meminta, memilih, mengambil atau mendapatkan sampel mana-mana kayu bagi maksud analisis tanpa bayaran daripada mana-mana

orang yang menanam, mengeluarkan, menjual atau yang memiliki kayu itu atau ejen atau pekhidmatnya yang daripadanya sampel itu didapatkan.

(2) Tatacara bagi pengambilan dan berurusan dengan sampel hendaklah sebagaimana yang ditetapkan oleh peraturan-peraturan.

**Kuasa Lembaga untuk menghendaki maklumat mengenai kayu, dsb.**

**26v.** (1) Lembaga boleh melalui notis bertulis menghendaki mana-mana orang yang mengusahakan apa-apa aktiviti yang melibatkan kayu untuk memberi Lembaga, dalam masa yang dinyatakan dalam notis itu, maklumat yang berhubungan dengan kayu.

(2) Mana-mana orang yang tidak memberikan apa-apa maklumat yang berhubungan dengan kayu sebagaimana yang dikehendaki di bawah subseksyen (1) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi satu ratus ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya.

**Kuasa tambahan**

**26w.** (1) Seseorang pegawai penguat kuasa hendaklah, bagi maksud melaksanakan Akta ini, mempunyai kuasa untuk melakukan segala atau mana-mana daripada perbuatan yang berikut:

- (a) menghendaki pengemukaan rekod, akaun dan dokumen daripada mana-mana orang berhubung dengan mana-mana hal atau kesalahan di bawah Akta ini dan meneliti, memeriksa dan membuat salinan mana-mana rekod, akaun dan dokumen itu;
- (b) menghendaki pengemukaan apa-apa dokumen pengenalan daripada mana-mana orang berhubung dengan mana-mana hal atau kesalahan di bawah Akta ini; atau

- (c) membuat apa-apa siasatan sebagaimana yang perlu untuk menentukan sama ada peruntukan Akta ini telah dipatuhi.

(2) Mana-mana orang yang tidak mematuhi kehendak yang dibuat di bawah subseksyen (1) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi satu ratus ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya.”.

#### **Pemotongan seksyen 27, 27A, 27B, 27C, 27D, 27E, 27F, 27G, 27H dan 27I**

18. Akta ibu dipinda dengan memotong seksyen 27, 27A, 27B, 27C, 27D, 27E, 27F, 27G, 27H dan 27I.

#### **Pindaan seksyen 27J**

19. Seksyen 27J Akta ibu dipinda dengan menggantikan perkataan “lima ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi satu tahun” dengan perkataan “dua ratus lima puluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun”.

#### **Pemotongan seksyen 27K dan 28**

20. Akta ibu dipinda dengan memotong seksyen 27K dan 28.

#### **Pindaan seksyen 29**

21. Seksyen 29 Akta ibu dipinda—

- (a) dalam subseksyen (1), dengan menggantikan perkataan “seksyen 27” dengan perkataan “Bahagian IVA”; dan
- (b) dalam subseksyen (2), dengan menggantikan perkataan “satu ribu ringgit” dengan perkataan “satu ratus ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya”.

**Seksyen baru 29B, 29C, 29D, 29E dan 29F**

22. Akta ibu dipinda dengan memasukkan selepas seksyen 29A seksyen yang berikut:

**“Pelantikan juruanalisis**

**29B.** Ketua Pengarah boleh melantik mana-mana orang yang berkelayakan untuk menjadi seorang juruanalisis bagi maksud menjalankan suatu analisis terhadap mana-mana kayu dan untuk memperakui gred, spesies, saiznya dan apa-apa spesifikasi yang berhubungan dengan kayu.

**Perakuan analisis**

**29C.** (1) Suatu perakuan analisis yang ditandatangani oleh seseorang juruanalisis hendaklah, apabila dikemukakan oleh Lembaga dalam mana-mana perbicaraan di bawah Akta ini, menjadi keterangan yang mencukupi mengenai fakta yang dinyatakan dalam perakuan itu melainkan jika tertuduh menghendaki supaya juruanalisis itu dipanggil sebagai seorang saksi yang, dalam hal itu dia hendaklah memberikan suatu notis bertulis kepada Lembaga tidak kurang daripada tiga hari bekerja sebelum permulaan perbicaraan itu.

(2) Jika Lembaga berhasrat untuk memberikan apa-apa perakuan yang disebut dalam subseksyen (1) sebagai keterangan, ia hendaklah menyerahkan suatu salinan perakuan itu kepada tertuduh tidak kurang daripada sepuluh hari bekerja sebelum permulaan perbicaraan itu.

**Pemeriksaan atau pengujian kayu yang disita**

**29D.** Jika adalah perlu untuk memeriksa atau menguji mana-mana kayu yang disita di bawah Akta ini, maka adalah mencukupi untuk memeriksa atau menguji hanya suatu sampel representatif dari setiap jenis atau perihalan kayu yang berlainan.

**Kos memegang kayu, dsb., yang disita**

**29E.** Jika mana-mana kayu, pengangkut, jentera, peralatan, kelengkapan, buku, rekod, dokumen atau benda lain yang disita di bawah Akta ini dipegang dalam jagaan Lembaga sementara menunggu penyelesaian apa-apa prosiding berkenaan dengan suatu kesalahan di bawah Akta ini, kos bagi memegangnya dalam jagaan hendaklah, sekiranya mana-mana orang yang disabitkan atas kesalahan itu, menjadi hutang yang kena dibayar kepada Lembaga oleh orang itu dan bolehlah didapatkan dengan sewajarnya.

**Tiada kos atau ganti rugi yang berbangkit daripada penyitaan boleh didapatkan**

**29F.** Tiada seorang pun boleh, dalam apa-apa prosiding di hadapan mana-mana Mahkamah berkenaan dengan penyitaan mana-mana kayu, pengangkut, jentera, peralatan, kelengkapan, buku, rekod, dokumen atau benda lain yang disita pada menjalankan atau berupa sebagai menjalankan mana-mana kuasa yang diberikan di bawah Akta ini, berhak mendapat kos prosiding itu atau apa-apa ganti rugi atau relief lain melainkan jika penyitaan itu dibuat tanpa sebab yang munasabah.”.

**Pindaan seksyen 30**

**23.** Seksyen 30 Akta ibu dipinda dengan menggantikan perkataan “seksyen 27” dengan perkataan “Bahagian IVA”.

**Penggantian seksyen 30A**

**24.** Akta ibu dipinda dengan menggantikan seksyen 30A dengan seksyen yang berikut:

**“Pemulaan dan pengendalian pendakwaan**

**30A.** (1) Tiada pendakwaan bagi atau berhubung dengan mana-mana kesalahan di bawah Akta ini boleh dimulakan kecuali oleh atau dengan keizinan bertulis Pendakwa Raya.

(2) Mana-mana pegawai Lembaga yang diberi kuasa secara bertulis oleh Pendakwa Raya boleh mengendalikan pendakwaan bagi mana-mana kesalahan di bawah Akta ini.”.

### **Penggantian seksyen 30B**

**25.** Akta ibu dipinda dengan menggantikan seksyen 30B dengan seksyen yang berikut:

#### **“Pengkompanaan kesalahan**

**30B.** (1) Ketua Pengarah boleh, dengan keizinan secara bertulis Pendakwa Raya, menawarkan secara bertulis untuk mengkompaun apa-apa kesalahan yang dilakukan oleh mana-mana orang di bawah Akta ini dan yang ditetapkan menjadi suatu kesalahan boleh dikompaun oleh peraturan-peraturan yang dibuat di bawah Akta ini dengan membuat suatu tawaran bertulis kepada orang itu untuk mengkompaun kesalahan itu dengan membayar kepada Lembaga suatu amaun yang tidak melebihi lima puluh peratus daripada amaun denda maksimum bagi kesalahan itu dalam masa yang dinyatakan dalam tawaran itu.

(2) Sesuatu tawaran di bawah subseksyen (1) boleh dibuat pada bila-bila masa selepas kesalahan itu dilakukan, tetapi sebelum apa-apa pendakwaan baginya dimulakan.

(3) Jika amaun yang dinyatakan dalam tawaran di bawah subseksyen (1) itu tidak dibayar dalam masa yang dinyatakan dalam tawaran itu atau dalam apa-apa tempoh yang dilanjutkan sebagaimana yang diberikan oleh Ketua Pengarah, pendakwaan bagi kesalahan itu boleh dimulakan pada bila-bila masa selepas itu terhadap orang yang kepadanya tawaran itu dibuat.

(4) Jika sesuatu kesalahan telah dikompaun di bawah subseksyen (1), tiada pendakwaan selepas itu boleh dimulakan berkenaan dengan kesalahan itu terhadap orang yang kepadanya tawaran mengkompaun kesalahan itu dibuat dan mana-mana kayu atau hasil penjualan kayu itu, atau mana-mana pengangkut, jentera, peralatan, kelengkapan,

buku, rekod, dokumen atau benda lain yang disita berkaitan dengan kesalahan itu boleh dilepaskan atau dilucuthakkan oleh Ketua Pengarah, tertakluk kepada apa-apa terma dan syarat sebagaimana yang difikirkan oleh Ketua Pengarah patut dikenakan mengikut syarat kompaun itu.”.

### **Seksyen baru 30C, 30D, 30E**

**26.** Akta ibu dipinda dengan memasukkan selepas seksyen 30B seksyen yang berikut:

#### **“Perlindungan pemberi maklumat**

**30c.** (1) Kecuali sebagaimana yang diperuntukkan dalam subseksyen (2) dan (3), tiada saksi dalam mana-mana prosiding sivil atau jenayah boleh dikehendaki atau dibenarkan menzahirkan nama atau alamat pemberi maklumat atau isi maklumat yang diterima daripadanya atau menyatakan apa-apa perkara, yang mungkin menyebabkan pemberi maklumat itu diketahui.

(2) Jika apa-apa buku, rekod, akaun, dokumen atau data berkomputer yang menjadi keterangan atau yang boleh diperiksa dalam mana-mana prosiding sivil atau jenayah mengandungi apa-apa catatan yang dalamnya mana-mana pemberi maklumat dinamakan atau diperihalkan atau yang mungkin menyebabkan pemberi maklumat diketahui, Mahkamah hendaklah menyebabkan semua rangkap sedemikian ditutup daripada penglihatan atau dipadamkan hanya setakat yang perlu untuk melindungi pemberi maklumat daripada diketahui.

(3) Jika dalam perbicaraan bagi apa-apa kesalahan di bawah Akta ini Mahkamah selepas siasatan penuh tentang kes itu mempercayai bahawa pemberi maklumat itu dengan sengaja membuat dalam aduannya suatu pernyataan material yang dia tahu atau percaya adalah palsu atau tidak percaya adalah benar, atau jika dalam mana-mana prosiding lain Mahkamah berpendapat bahawa keadilan tidak dapat dicapai sepenuhnya antara pihak-pihak dalam prosiding itu tanpa mengetahui pemberi maklumat itu, Mahkamah boleh menghendaki pengemukaan aduan asal, jika bertulis, dan membenarkan siasatan dan menghendaki penzahiran sepenuhnya, berkenaan dengan pemberi maklumat itu.

### **Akta Perlindungan Pihak Berkuasa Awam 1948**

**30D.** Akta Perlindungan Pihak Berkuasa Awam 1948 [Akta 198] hendaklah terpakai bagi mana-mana tindakan, guaman, pendakwaan atau prosiding terhadap Lembaga, atau terhadap mana-mana anggota, mana-mana anggota sesuatu jawatankuasa, atau mana-mana pegawai, pekhidmat atau ejen Lembaga, berkenaan dengan apa-apa perbuatan, keabaian atau keingkaran yang dibuat atau dilakukan olehnya atas sifat yang sedemikian.

### **Kuasa untuk mengecualikan**

**30E.** (1) Menteri boleh melalui perintah yang disiarkan dalam *Warta* mengecualikan mana-mana orang, golongan orang atau apa-apa aktiviti berhubung dengan kayu daripada kesemua atau mana-mana peruntukan Akta ini.

(2) Menteri boleh mengenakan apa-apa terma dan syarat sebagaimana yang difikirkannya patut atas apa-apa pengecualian di bawah subseksyen (1).”.

### **Penggantian seksyen 32**

**27.** Akta ini dipinda dengan menggantikan seksyen 32 dengan seksyen yang berikut:

#### **“Pindaan Jadual**

**32.** Menteri boleh, selepas berunding dengan Lembaga, meminda Jadual-Jadual melalui perintah yang disiarkan dalam *Warta*.”.

### **Pindaan seksyen 33**

**28.** Seksyen 33 Akta ini dipinda dengan menggantikan perkataan “lima ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi satu tahun” dengan perkataan “satu ratus ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua tahun”.

**Penggantian seksyen 33A**

**29.** Akta ibu dipinda dengan menggantikan seksyen 33A dengan seksyen yang berikut:

**“Kesalahan yang dilakukan oleh pertubuhan perbadanan**

**33A.** (1) Jika sesuatu pertubuhan perbadanan melakukan suatu kesalahan di bawah Akta ini, mana-mana orang yang pada masa pelakuan kesalahan itu ialah pengarah, pengurus, setiausaha atau pegawai seumpamanya yang lain dalam pertubuhan perbadanan itu atau yang berupa bertindak atas apa-apa sifat sedemikian atau yang dengan apa-apa cara atau sehingga apa-apa takat bertanggungjawab tentang pengurusan apa-apa hal ehwal pertubuhan perbadanan itu atau yang membantu dalam pengurusan sedemikian—

- (a) boleh dipertuduh secara berasingan atau berse sama dalam prosiding yang sama bersekali dengan pertubuhan perbadanan itu; dan
- (b) jika pertubuhan perbadanan itu didapati bersalah atas kesalahan itu, hendaklah disifatkan bersalah terhadap kesalahan itu melainkan jika, dengan mengambil kira jenis fungsinya atas sifat itu dan segala hal keadaan, dia membuktikan—
  - (i) bahawa kesalahan itu telah dilakukan tanpa pengetahuan, persetujuan atau pembiarannya; dan
  - (ii) bahawa dia telah mengambil segala langkah yang munasabah dan telah menjalankan segala usaha yang wajar untuk mencegah pelakuan kesalahan itu.

(2) Jika mana-mana orang yang di bawah Akta ini boleh dikenakan apa apa hukuman atau penalti bagi apa-apa perbuatan, peninggalan, pengabaian atau keingkaran, dia boleh dikenakan hukuman atau penalti yang sama bagi tiap-tiap perbuatan, peninggalan, pengabaian atau keingkaran mana-mana pekerja atau ejennya, atau pekerja ejen itu, jika perbuatan, peninggalan, pengabaian atau keingkaran itu telah dilakukan—

- (a) oleh pekerjaanya dalam masa pengajiannya;

- (b) oleh ejen itu semasa bertindak bagi pihaknya; atau
- (c) oleh pekerja ejen itu dalam masa penggajian pekerja itu dengan ejen itu atau selainnya bagi pihak ejen itu.”.

### **Pemotongan seksyen 33B**

**30.** Akta ibu dipinda dengan memotong seksyen 33B.

### **Pindaan seksyen 34**

**31.** Seksyen 34 Akta ibu dipinda—

(a) dalam subseksyen (1)—

- (i) dengan memasukkan selepas perenggan (b) perenggan yang berikut:

“(ba) menetapkan spesies kayu yang dilarang untuk dieksport atau diimport;” dan

- (ii) dengan menggantikan perenggan (c) dengan perenggan yang berikut:

“(c) menetapkan borang bagi notis penyitaan di bawah subseksyen 26k(4); dan;”;

(b) dalam subseksyen (2)—

- (i) dalam perenggan (c), dengan menggantikan perkataan “kilang-kilang, yad-yad dan jeti-jeti” dengan perkataan “premis”;

- (ii) dengan menggantikan perenggan (e) dengan perenggan yang berikut:

“(e) menetapkan tatacara yang hendaklah diikuti, borang yang hendaklah digunakan dan fi yang kena dibayar oleh pengeksport atau pengimport dalam pengeksportan atau pengimportan kayu;” dan

(iii) dengan memasukkan selepas perenggan (*e*) perenggan yang berikut:

“(*ea*) menetapkan tatacara bagi penanaman dan pemilihan spesies kayu bagi ladang hutan;

(*eb*) menetapkan pemprosesan keluaran ladang hutan;

(*ec*) menetapkan pengurusan dan tatacara kewangan bagi ladang hutan;

(*ed*) menetapkan pelaksanaan apa-apa aktiviti ladang hutan;

(*ee*) menetapkan cara untuk mengawal selia kayu yang dipindahkapalkan dan kayu dalam transit;

(*ef*) menetapkan tatacara bagi pengiktirafan, pemerakuan dan pengendorsan dan fi yang berhubungan dengan perindustrian kayu;

(*eg*) menetapkan tatacara bagi perkhidmatan penentusahan kayu dan caj atau fi yang hendaklah dibayar oleh mana-mana orang yang memohon apa-apa perkhidmatan nasihat teknikal dan penentusahan kayu;” dan

(*c*) dengan memasukkan selepas subseksyen (2) subseksyen yang berikut:

“(3) Peraturan-peraturan yang dibuat di bawah subseksyen (1) dan (2) boleh menetapkan apa-apa perbuatan yang melanggar peraturan-peraturan menjadi suatu kesalahan dan boleh menetapkan penalti denda tidak melebihi satu ratus lima puluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya.”.

### **Pindaan Jadual Pertama**

**32.** Akta ibu dipinda dengan menggantikan Jadual Pertama dengan Jadual yang berikut:

“JADUAL PERTAMA

[seksyen 2]

TAKRIF KAYU

<i>Keluaran Kayu</i>	<i>Pengharmonian Sistem Pemerihalan dan Pengekodan Komoditi</i>
Tumbuhan dan bahagian tumbuhan daripada jenis yang digunakan terutamanya dalam proses membuat minyak wangi atau farmasi berasaskan kayu Gaharu ( <i>Aquilaria spp.</i> ) atau kayu Cendana	1211.90 200, 1211.90 300, 1211.90 900
Buluh	1401.10
Rotan	1401.20
Minyak gaharu	3301.90 100
Sisa kayu, kayu api, serpai kayu atau partikel kayu, habuk gergaji dan serpihan	44.01
Kayu arang	44.02
Balak bulat (termasuk kayu bulat dan kayu jaras) dan balak segi empat sama atau separuh segi empat sama kasar	44.03
Kayu yang dipotong rata secara kasar, kayu gelang, kayu jaras belah, cerucuk tajam dan pancang	44.04
Kayu kisar (kayu tatal, tepung kayu)	4405.00
Kayu landasan keretapi atau trem (pengikat silang)	44.06
Kayu gergaji dan kayu berketam	44.07
Venir	44.08
Kayu kumai, kayu berlamina	44.09

<i>Keluaran Kayu</i>	<i>Pengharmonian Sistem Pemerintahan dan Pengekodaan Komoditi</i>
Keluaran kayu terbentuk semula (contohnya papan partikel/papan serpai, papan wafer, papan tatal, papan bebenang terhalas dan keluaran biokomposit)	44.10
Papan gentian (contohnya papan gentian ketumpatan sederhana, papan penebatan, papan gentian keras dan keluaran biokomposit)	44.11
Papan lapis, panel venir, kayu berlamina yang serupa, (contoh: papan bungkah, papan lamin dan papan baten)	44.12
Kayu tumpat	4413.00 000
Bingkai kayu	4414.00 000
Kotak simpan barang, kotak, pak, tong dram dan pembungkus lain yang serupa, gelendong kabel, palet, palet kotak dan papan muatan yang lain, kolar palet, yang diperbuat daripada kayu	44.15
Tong kayu, tahang, tong wain, tab dan keluaran lain pembuat tong dan bahagian lain yang diperbuat daripada kayu, termasuk pemegangnya	4416.00 000
Alat, penyapu dan berus badan serta pemegang	4417.00 000
Pertukangan tanggam dan pertukangan kayu, termasuk panel kayu bersel, panel parket terpasang, sirap/genting kayu dan rekah	44.18
Pinggan mangkuk dan perkakas dapur, yang diperbuat daripada kayu	4419.00 000
Corak tataan kayu dan kayu bertatah; keranda, kotak bagi barang kemas atau pisau, sudu, garpu, dan barang serupa itu yang diperbuat daripada kayu; patung kayu dan barang perhiasan kayu yang lain; barang perabot kayu yang tidak termasuk di bawah Perintah Duti Kastam 2007 [P.U. (A) 441/2007]	44.20

<i>Keluaran Kayu</i>	<i>Pengharmonian Sistem Pemerihalan dan Pengekodan Komoditi</i>
Barangan kayu yang lain	44.21
Pulpa kayu	47.01, 47.02, 47.03, 47.04, 47.05, 47.06
Tempat duduk diperbuat daripada rotan, osier, buluh atau bahan yang serupa; tempat duduk lain, dengan rangka kayu; upholsteri; tempat duduk lain	9401.51 000, 9401.59 000, 9401.61 000, 9401.69 000
Jenis perabot kayu yang digunakan di pejabat, di dapur dan di bilik tidur; perabot kayu yang lain; <i>walker</i> untuk bayi; almari wasap untuk kegunaan di makmal perubatan; perabot kayu lain	9403.30 000, 9403.40 000, 9403.50 000, 9403.60 100, 9403.60 200, 9403.60 900, 9403.81 100, 9403.81 200, 9403.81 300, 9403.81 900, 9403.89 100, 9403.89 200, 9403.89 300, 9403.89 900
Bangunan pasang siap, diperbuat daripada kayu	9406.00 200

”.

### **Pindaan Jadual Kedua**

**33.** Subperenggan 2(2) Jadual Kedua kepada Akta ibu dipinda dengan menggantikan perkataan “sepuluh” dengan perkataan “lapan”.

### **Penggantian Jadual Ketiga**

**34.** Akta ibu dipinda dengan menggantikan Jadual Ketiga dengan Jadual yang berikut:

## “JADUAL KETIGA

[seksyen 2 dan subseksyen 5(1)]

## PERSATUAN-PERSATUAN YANG DIKTIKRAF

<i>Nama</i>	<i>Bilangan Wakil</i>
Persatuan Pekilang Panel Malaysia (MPMA)	1
Persatuan Pengusaha-Pengusaha Kayu-Kayan dan Perabot Bumiputera Malaysia (PEKA)	1
Persatuan Perindustrian Kayu Kayan Malaysia (MWIA)	1
Persatuan Pengeksport Kayu Malaysia (TEAM)	1
Majlis Kayu Kumai dan Tanggam Malaysia (MWMJC)	1
Majlis Perindustrian Perabot Malaysia (MFIC)	1 ”.

**Jadual Baru Keempat**

**35.** Akta ibu dipinda dengan memasukkan selepas Jadual Ketiga Jadual yang berikut:

## “JADUAL KEEMPAT

[subseksyen 12(4A)]

**Kuasa Lembaga untuk membuat peraturan-peraturan berkenaan dengan perbadanan**

1. Lembaga hendaklah, pada atau sebelum tarikh apa-apa perbadanan ditubuhkan di bawah seksyen 12, membuat peraturan-peraturan berkenaan dengan perbadanan itu yang menentukan—

- (a) maksud dan tujuan perbadanan itu ditubuhkan;
- (b) hak, kuasa, kewajipan dan fungsi perbadanan itu;
- (c) sistem pengurusan perbadanan itu; dan
- (d) hubungan antara perbadanan itu dengan Lembaga dan hak pengawalan Lembaga ke atas perbadanan itu.

**Batasan kuasa untuk menubuhkan perbadanan**

2. Tiada apa-apa jua dalam perenggan 1 boleh disifatkan sebagai memberi kuasa kepada Lembaga untuk membuat peraturan-peraturan bagi apa-apa maksud atau tujuan yang lebih luas ruang lingkungannya daripada maksud atau

tujuan yang baginya Lembaga ditubuhkan atau memberi mana-mana perbadanan apa-apa hak, kewajipan, kuasa atau fungsi yang tidak termasuk dalam hak, kewajipan, kuasa atau fungsi Lembaga di bawah Akta ini.

#### **Kuat kuasa peraturan-peraturan**

3. Tertakluk kepada peruntukan Akta ini dan mana-mana peraturan yang dibuat di bawah seksyen 34, apa-apa peraturan yang dibuat di bawah perenggan 1 hendaklah mengikat perbadanan yang berkenaan dengannya peraturan-peraturan itu dibuat dan hendaklah mempunyai kuat kuasa bagi segala maksud seolah-olah peraturan-peraturan itu telah diperbuat dalam Akta ini.

#### **Pindaan peraturan-peraturan**

4. Lembaga boleh pada bila-bila masa meminda, membatalkan atau menambah mana-mana peraturan yang dibuat di bawah perenggan 1 berkenaan dengan mana-mana perbadanan.

#### **Daftar perbadanan**

5. Lembaga hendaklah menyimpan suatu daftar dalam bentuk yang ditetapkan mengenai semua perbadanan yang ditubuhkan olehnya di bawah seksyen 12 dan daftar itu, bersama dengan salinan segala peraturan yang dibuat di bawah perenggan 1 dan 4, adalah terbuka untuk pemeriksaan awam di tempat atau tempat-tempat dan pada bila-bila masa yang ditetapkan olehnya.

#### **Penggulungan**

6. (1) Lembaga boleh, dengan kelulusan Menteri, melalui perintah yang disiarkan dalam *Warta*, mengarahkan supaya mana-mana perbadanan yang ditubuhkan olehnya digulung dan dibubarkan.

(2) Apabila mana-mana perbadanan dibubarkan di bawah perenggan ini, aset perbadanan itu hendaklah berpindah kepada dan terletak hak pada Lembaga setelah segala liabilitinya ditunaikan.

(3) Penggulangan sesuatu perbadanan di bawah perenggan ini hendaklah dijalankan mengikut cara yang ditetapkan oleh Lembaga.

#### **Perbadanan hendaklah menjadi pertubuhan perbadanan**

7. Tiap-tiap perbadanan yang ditubuhkan di bawah seksyen 12 hendaklah menjadi suatu pertubuhan perbadanan dengan apa-apa nama yang diberikan oleh Lembaga dan hendaklah kekal turun-temurun dan mempunyai suatu meterai

perbadanan dan boleh membawa guaman dan dibawa guaman terhadapnya atas nama itu dan, bagi maksud melaksanakan projek, skim atau perusahaan yang baginya ia telah ditubuhkan, boleh membuat kontrak, dan boleh memegang dan membuat apa-apa urusan berkenaan dengan apa-apa harta tak alih atau harta alih dan boleh melakukan segala perkara dan benda lain yang bersampingan atau berkaitan dengan sesuatu pertubuhan perbadanan yang selaras dengan peruntukan Akta ini dan dengan tertakluk kepada apa-apa sekatan atau batasan sebagaimana yang ditetapkan oleh Lembaga dalam setiap hal.

### **Meterai perbadanan**

8. (1) Tiap-tiap perbadanan hendaklah mempunyai suatu meterai perbadanan yang mengandungi apa-apa reka bentuk yang diluluskan oleh perbadanan itu, dengan kelulusan Lembaga dan meterai itu boleh dipecahkan, ditukar, diubah atau dibuat baharu sebagaimana yang difikirkan patut oleh perbadanan dengan kelulusan Lembaga.

(2) Sehingga suatu meterai diadakan oleh perbadanan itu, suatu cap yang mengandungi nama perbadanan boleh digunakan dan hendaklah disifatkan sebagai meterai perbadanan itu.

(3) Meterai perbadanan itu hendaklah disimpan dalam jagaan orang yang diberi kuasa oleh perbadanan itu, dan hendaklah disahkan oleh orang itu; dan semua surat ikatan, dokumen dan surat cara lain yang berupa sebagai dimeteraikan dengan meterai itu, yang disahkan sebagaimana yang disebut terdahulu, hendaklah disifatkan telah disempurnakan dengan sah sehingga dibuktikan sebaliknya:

Dengan syarat bahawa apa-apa dokumen atau surat cara yang jika disempurnakan oleh seseorang yang bukan suatu pertubuhan perbadanan tidak akan dikehendaki dimeteraikan boleh disempurnakan dengan cara yang serupa oleh perbadanan itu; dan mana-mana dokumen atau surat cara itu boleh disempurnakan bagi pihak perbadanan itu oleh mana-mana pegawai atau pekhidmat perbadanan itu yang diberi kuasa secara am atau khas oleh perbadanan bagi maksud itu.

(4) Meterai perbadanan bagi tiap-tiap perbadanan hendaklah diberi pengiktirafan rasmi dan kehakiman.”.

### **Penerusan permohonan, dsb., yang belum selesai**

**36.** Segala permohonan, kelulusan atau keputusan, atas rayuan atau selainnya, yang belum selesai di bawah Akta ibu sebelum tarikh permulaan kuat kuasa Akta ini hendaklah diuruskan oleh Lembaga di bawah peruntukan yang berkaitan Akta ibu sebagaimana yang dipinda dalam Akta ini.

### **Penamatan keanggotaan Lembaga**

**37.** Anggota Lembaga yang memegang jawatan pada tarikh permulaan kuat kuasa Akta ini hendaklah terhenti memegang jawatan pada tarikh itu.

### **Pengesahan dan kekebalan**

**38.** (1) Apa-apa pinjaman yang diberikan kepada perbadanan, syarikat dan orang oleh Lembaga melalui perjanjian kemudahan pinjaman di bawah Program Tanaman Ladang Hutan bagi tempoh dari 1 Januari 2006 hingga 21 Januari 2008 adalah disahkan dan diisytiharkan telah diberi menurut undang-undang.

(2) Tiada tindakan atau prosiding undang-undang boleh dibawa, dimulakan atau dikekalkan terhadap Lembaga, mana-mana pegawai Lembaga atau mana-mana orang yang bertindak di bawah kuasa mereka atau bagi pihak mereka berkenaan dengan pinjaman yang telah diberikan itu, dan jika apa-apa tindakan atau prosiding sedemikian telah dibawa, dimulakan atau dikekalkan, maka tindakan atau prosiding itu hendaklah dibatalkan dan dijadikan tidak sah.

---

### HURAIAN

Rang Undang-Undang ini bertujuan untuk meminda Akta Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia (Pemerbadanan) 1973 ("Akta 105").

2. *Fasal 1* mengandungi tajuk ringkas dan kuasa Menteri untuk menetapkan tarikh permulaan kuat kuasa Akta yang dicadangkan.

3. *Fasal 2* bertujuan untuk meminda seksyen 2 Akta 105 untuk memasukkan takrif baru dan untuk meminda takrif sedia ada yang digunakan dalam Akta 105. Antara lain—

- (a) takrif baru "pasaran dalam negeri" dimasukkan bagi menjelaskan bahawa pasaran dalam negeri ertinya pasaran di dalam Malaysia;
- (b) takrif baru "pegawai penguat kuasa" dimasukkan, berbangkit daripada kemasukan Bahagian baru IVA mengenai kuasa yang berhubungan dengan penguatkuasaan;
- (c) takrif baru "ladang hutan" dimasukkan berikutan dengan pengenalan fungsi baru Lembaga yang berhubungan dengan ladang hutan;

- (d) takrif “pihak berkuasa pemeringkatan” dipinda untuk mencerminkan bahawa hanya Ketua Pengarah Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia ialah pihak berkuasa pemeringkatan;
- (e) takrif baru “dalam transit” dimasukkan supaya termasuk kuasa Lembaga untuk memeriksa mana-mana kayu dan dokumen dalam transit atau dipindahkan ke pengangkut.

Sebagai tambahan, *fasal 2* bertujuan untuk memperuntukkan bahawa Akta ibu tidak mengurangkan peruntukan Akta Perhutanan Negara 1984 [*Akta 313*] atau mana-mana undang-undang bertulis lain berhubung dengan perhutanan.

4. *Fasal 3* bertujuan untuk meminda seksyen 4 Akta 105 untuk meminda komposisi keanggotaan Lembaga.

5. *Fasal 4* bertujuan untuk meminda seksyen 9 Akta 105 untuk memberi kuasa kepada Lembaga untuk melantik, dengan kelulusan Menteri, apa-apa bilangan Timbalan Ketua Pengarah, pegawai dan pekhidmat Lembaga, termasuk Pemeriksa Kawalan Kualiti.

6. *Fasal 5* bertujuan untuk memasukkan seksyen baru 9c untuk memberi kuasa kepada Ketua Pengarah untuk mewakili kuasanya atau kewajipannya kepada mana-mana pegawai Lembaga.

7. *Fasal 6* bertujuan untuk meminda subseksyen 12(1) dan (2) Akta 105 untuk mengadakan peruntukan mengenai fungsi dan kuasa Lembaga yang baru.

8. *Fasal 7* bertujuan untuk meminda Akta 105 untuk memasukkan seksyen baru 12A ke dalam Akta 105. Seksyen baru yang dicadangkan memperuntukkan kuasa Lembaga untuk mewakili fungsi dan kuasanya, selain kuasa untuk membuat peraturan-peraturan dan kaedah-kaedah, kepada Pengerusi, Ketua Pengarah, Jawatankuasa atau mana-mana pegawai Lembaga.

9. *Fasal 8* bertujuan untuk meminda seksyen 13 Akta 105 untuk mengadakan peruntukan bagi larangan terhadap aktiviti-aktiviti tertentu yang dijalankan tanpa pendaftaran.

10. *Fasal 9* bertujuan untuk memotong seksyen 13A Akta 105 berbangkit daripada kemasukan seksyen baru 30E mengenai kuasa Menteri untuk mengecualikan.

11. *Fasal 10* bertujuan untuk meminda seksyen 14 Akta 105 untuk mengadakan peruntukan mengenai kehendak bagi permohonan bagi pendaftaran dibuat kepada Lembaga bagi orang yang bercadang untuk menjalankan aktiviti yang disenaraikan di bawah seksyen 13 Akta.

12. *Fasal 11* bertujuan untuk meminda seksyen 15 Akta 105 untuk mengadakan peruntukan mengenai penyimpanan daftar bagi orang yang didaftarkan di bawah seksyen 14 Akta.

13. *Fasal 12* bertujuan untuk memasukkan seksyen baru 18A dan 18B ke dalam Akta 105. Seksyen baru 18A yang dicadangkan bertujuan untuk mengadakan peruntukan mengenai kewajipan pengeksport atau pengimport untuk membuat

perisytiharan kepada Lembaga berkenaan dengan kayu yang dieksport atau diimport. Seksyen baru 18B yang dicadangkan bertujuan untuk mengadakan peruntukan mengenai anggapian bagi eksport.

14. *Fasal 13* bertujuan untuk meminda seksyen 19 Akta 105 untuk memperuntukkan bahawa segala wang yang diperoleh atau berbangkit daripada apa-apa harta, pelaburan, gadai janji, pajakan, penyewaan, gadaian atau debentur yang diperoleh atau terletak hak pada Lembaga termasuk apa-apa keuntungan yang didapati daripada perbadanan atau syarikat yang ditubuhkan di bawah Akta ini dan wang yang didapati melalui pengendalian apa-apa projek, skim atau perusahaan hendaklah dibayar ke dalam Kumpulan Wang. *Fasal 13* juga bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi perbelanjaan yang boleh dipertanggungjawabkan kepada Kumpulan Wang.

15. *Fasal 15* bertujuan untuk meminda seksyen 20 Akta 105 untuk memberi Menteri kuasa untuk menentukan amaun, kadar dan cara kutipan bagi jenis kayu yang berlainan berhubung dengan orang atau golongan yang berlainan. Pindaan yang dicadangkan itu juga memperuntukkan bahawa adalah menjadi suatu kesalahan bagi orang yang gagal atau enggan membayar ses yang dikenakan dan mana-mana ses yang dikenakan hendaklah menjadi hutang yang kena dibayar kepada Lembaga dan boleh didapatkan di mana-mana mahkamah oleh Lembaga.

16. *Fasal 16* bertujuan untuk meminda seksyen 21 Akta 105 untuk memperuntukkan bahawa mana-mana Negeri boleh membuat sumbangan kepada Kumpulan Wang.

17. *Fasal 17* bertujuan untuk memasukkan Bahagian baru IVA ke dalam Akta 105 untuk membuat peruntukan yang berhubungan dengan kuasa penguatkuasaan, penyitaan, penangkapan, dsb.

18. *Fasal 19, 21 dan 28* bertujuan untuk meminda masing-masing seksyen 27J, 29 dan 33 untuk menaikkan penalti bagi kesalahan di bawah seksyen itu.

19. *Fasal 22* bertujuan untuk memasukkan seksyen baru 29B, 29C, 29D, 29E dan 29F ke dalam Akta 105 yang berhubungan dengan pelantikan juruanalisis, perakuan analisis, pemeriksaan atau pengujian kayu yang disita, kos pemegangan kayu disita, kos dan ganti rugi yang tidak boleh didapatkan.

20. *Fasal 24 dan 25* bertujuan untuk menggantikan masing-masing seksyen 30A dan 30B Akta 105 untuk memperuntukkan bahawa pemulaan dan pengendalian pendakwaan dan pengkompaunan kesalahan hanya boleh dijalankan dengan keizinan Pendakwa Raya.

21. *Fasal 26* bertujuan untuk memasukkan seksyen baru 30C, 30D, dan 30E ke dalam Akta 105. Seksyen baru 30C yang dicadangkan bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi perlindungan pemberi maklumat. Seksyen baru 30D yang dicadangkan bertujuan untuk memperuntukkan bahawa Akta Perlindungan Pihak Berkuasa Awam 1948 [Akta 198] hendaklah terpakai bagi

apa-apa tindakan, guaman, pendakwaan atau prosiding terhadap Lembaga, anggotanya, atau anggota jawatankuasa, pegawai, pekhidmat atau ejen Lembaga. Seksyen baru 30E yang dicadangkan bertujuan untuk memberi Menteri kuasa untuk mengecualikan mana-mana orang daripada peruntukan Akta.

22. *Fasal 31* bertujuan untuk meminda seksyen 34 Akta 105 untuk mengadakan peruntukan mengenai kuasa Menteri untuk membuat peraturan-peraturan dan kaedah-kaedah mengenai aktiviti yang tertentu.

23. *Fasal 32, 33, 34 dan 35* setiap satunya masing-masing bertujuan untuk meminda Jadual Pertama, Jadual Kedua dan Jadual Ketiga Akta 105 dan untuk memasukkan Jadual baru Keempat ke dalam Akta 105. Pindaan kepada Jadual Pertama dalam *fasal 32* bertujuan untuk mengadakan peruntukan mengenai senarai takrif kayu. Pindaan kepada Jadual Ketiga dalam *fasal 34* bertujuan untuk meminda nama yang sedia ada bagi persatuan yang diiktiraf. *Fasal 35* bertujuan untuk memasukkan Jadual baru Keempat ke dalam Akta 105 untuk membuat peruntukan mengenai perbadanan yang ditubuhkan di bawah Akta 105.

24. *Fasal 36* bertujuan untuk memperuntukkan bahawa permohonan, kelulusan atau keputusan, atas rayuan atau selainnya, yang belum selesai di bawah Akta ibu hendaklah diuruskan oleh Lembaga di bawah Akta ibu sebagaimana yang dipinda.

25. *Fasal 37* bertujuan untuk memperuntukkan bahawa anggota-anggota Lembaga yang memegang jawatan pada tarikh permulaan kuat kuasa Akta yang dicadangkan hendaklah berhenti memegang jawatan pada tarikh itu.

26. *Fasal 38* bertujuan untuk mengesahkan pinjaman yang diberikan oleh Lembaga kepada perbadanan, syarikat dan orang dari 1 Januari 2006 hingga 21 Januari 2008 di bawah Program Tanaman Ladang Hutan dan kekebalan daripada apa-apa prosiding berkaitan dengan pinjaman yang diberikan itu.

27. Pindaan lain yang tidak diperkatakan secara khusus dalam Huraian ini ialah pindaan yang kecil atau berbangkit.

#### IMPLIKASI KEWANGAN

Rang Undang-Undang ini akan melibatkan Kerajaan dalam perbelanjaan wang tambahan yang amaunnya belum dapat ditentukan sekarang ini.

[PN(U<sup>2</sup>) 2419]